



Headline: Guru rugi RM18,120 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 15 September 2018

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 25

## Guru rugi RM18,120 ditipu Macau Scam

**PARIT 14 Sept.** - Seorang guru sekolah menengah di Batu Gajah di sini berputih mata apabila kerugian RM18,120 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang mendakwa dia terlibat dalam kes transaksi wang melibatkan kegiatan pengedaran dadah berjumlah RM3.2 juta.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintenden Mohamad Zainal Abdullah berkata, lelaki berusia 52 tahun itu menyedari ditipu setelah merujuk kepada jirannya tentang panggilan diterima lalu memberitahu adalah satu penipuan.

Menurutnya, kejadian itu bermula setelah mangsa menerima panggilan telefon seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Selasa lalu.

"Suspek memaklumkan yang mangsa mempunyai surat notis SPRM sebelum menyambung panggilan itu kepada seorang anggota polis Bukit Aman yang memberitahu mangsa ada membuka akaun bank di Sabah pada 7 Mei lalu dengan simpanan RM3.2 juta hasil kegiatan pengedaran dadah melalui tujuh transaksi.

"Anggota polis itu juga menyatakan wang tersebut adalah wang haram daripada sumber pengedaran dadah yang diketuai David Chin dan waran tangkap dikeluarkan kepada mangsa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohamad Zainal berkata, talian kemudian disambung kepada seorang pegawai polis yang dikenali sebagai Inspektor Tan dengan meminta mangsa hadir ke Bukit Aman serta mengosongkan kesemua wang dalam akaun miliknya untuk tujuan siasatan.

Katanya, mangsa seterusnya membuat lima transaksi dalam tempoh dua hari ke dalam akaun milik seorang lelaki yang diberikan oleh pegawai polis tersebut.

"Inspektor Tan menyatakan semua wang mangsa dimasukkan ke dalam akaun mahkamah. Mangsa disedari ditipu apabila merujuk perkara itu kepada jirannya," katanya.